

BERITA HARIAN, KHAMIS, 25, MAC, 1982

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

UMNO DAMANSARA INGIN TEMUI PM

KUALA LUMPUR, Rabu — UMNO Bahagian Damansara memohon mengadakan perjumpaan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bagi menerangkan mengapa mesti kerusi Damansara diberikan kepada UMNO.

Timbalan Ketua Bahagian itu, Encik Sidi Maasim memberitahu

sidang akhbar telegram telah dihantar kepada Perdana Menteri pagi ini berikutan dengan mesyuarat khas Jawatankuasa Bahagian malam tadi.

Katanya, bahagian tersebut adalah serius dengan permintaannya itu dan sebelum ini telah pun menyerahkan memorandum kepada Perdana Menteri bulan lalu.